

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | TPM ingatkan FRIM Inc tidak tersasar daripada perniagaan teras |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Borneo Sarawak  |             |                     |
| Date       | 03 Feb 2018  | Color       | Full Color          |
| Section    | News   | Circulation | 45,554              |
| Page No    | 16   | Readership  | 136,662             |
| Language   | Malay  | ArticleSize | 321 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 2,082            |
| Frequency  | Daily (EM)   | PR Value    | RM 6,246            |



## TPM ingatkan FRIM Inc tidak tersasar daripada perniagaan teras

**KUALALUMPUR:** Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan FRIM Incorporated (FRIM Inc), yang dirasmikan supaya supaya tidak tersasar daripada perniagaan teras.

Beliau berkata pengurusan anak syarikat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu tidak seharusnya memikirkan kepentingan peribadi dengan mewujudkan pelbagai cabang pelaburan bagi meraih keuntungan.

“Jangan over-diversified di luar perniagaan teras tetapi fokus dalam bidang kita. Saya tidak mahu akhirnya FRIM Inc tubuhkan hotel atau beli hotel di luar negara walaupun patut jaga hasil hutan.

“Saya tak sebut mana-mana organisasi tetapi jangan jadi begitu, inilah masalah apabila orang besar ada sifat tamak haloba untuk menjaga kepentingan peribadi,” katanya ketika merasmikan FRIM Inc di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Ketua Se-

tiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang juga Pengerusi FRIM Datuk Seri Azizan Ahmad dan Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

FRIM Inc ditubuhkan pada 4 Ogos 2017 bertujuan mentransformasi hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada aktiviti komersialisasi untuk penjana pendapatan.

Ia memulakan urusan perniagaan pada awal Disember tahun lalu dan setakat ini telah mengadakan jalinan kerjasama dengan lebih 10 syarikat dan agensi bernilai lebih RM800,000.

Ahmad Zahid berkata syarikat itu perlu menumpukan usaha mengkomersialkan produk herba dan organik ke peringkat dunia. Katanya penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan FRIM dan FRIM Inc perlu diterjemahkan dalam usaha meraih pendapatan.

Beliau juga berharap Kementerian Kewangan supaya tidak meletakkan hasil pendapatan FRIM Inc ke dalam Akaun Yang Disatukan bagi membolehkan syarikat

itu menjalankan aktiviti sendiri.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata kerajaan komited untuk memperluas kawasan hijau di negara ini dengan tanaman hutan termasuk spesies yang hampir pupus.

Katanya, 54.1 peratus kawasan di Malaysia pada masa ini dilitupi dengan hutan walaupun negara ini sering dituduh menebang pokoknya.

“Masyarakat antarabangsa terutama negara Eropah sering menuduh kita menebang habis hutan kita untuk dijadikan kawasan pertanian sedangkan negara kita dipenuhi hutan berbanding negara-negara mereka,” katanya.

Pada majlis itu, Azizan turut mengumumkan nama dua spesies tumbuhan bukit batu kapur yang masing-masing dinamakan bersempena nama Ahmad Zahid dan Wan Junaidi iaitu ‘Gymnostachyum ahmadzahidianum’ daripada keluarga tumbuhan Belalai Gajah yang dijumpai di Kelantan dan ‘Impatiens feonajunaidiana’ daripada keluarga tumbuhan Keembong yang ditemui di Perlis. — Bernama



**RASMI:** Ahmad Zahid (dua kiri) menandatangani plak merasmikan FRIM Incorporated (FRIM Inc) di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dekat Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Menteri Sumber Asli dan Wan Junaidi (tiga kiri). — Gambar Bernama